



# **GARIS PANDUAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN INSPEKTOR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

**GP 12**

**VERSI 1-2025**



# **GARIS PANDUAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN INSPEKTOR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

|                  |                                                                      |
|------------------|----------------------------------------------------------------------|
| No. Rujukan      | GP 12                                                                |
| Tarikh Kuatkuasa | 7 OKTOBER 2025                                                       |
| Bil. Versi       | VERSI 1-2025                                                         |
| Disediakan Oleh  | JAWATANKUASA PERUNDANGAN, ETIKA, DISIPLIN DAN PENGUATKUASAAN (JPEDP) |
| Diluluskan Oleh  | LEMBAGA DALAM MESYUARAT BIL: KE- 45 (BIL.3/2025) 7 OKTOBER 2025      |

## ISI KANDUNGAN

|                                                                       |                |
|-----------------------------------------------------------------------|----------------|
| <b>1. Pendahuluan .....</b>                                           | <b>1</b>       |
| 1.1 Pemakaian Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689] .....                 | 1              |
| 1.2 Pendaftaran Ahli Geologi .....                                    | 2              |
| 1.2.2 Ahli Geologi Siswazah Berdaftar .....                           | 2              |
| 1.2.3 Ahli Geologi Profesional Berdaftar .....                        | 2 – 3          |
| 1.2.4 Ahli Geologi Asing Berdaftar .....                              | 3              |
| 1.2.5 Pengamal Berdaftar .....                                        | 3              |
| 1.2.6 Sekatan terhadap Ahli Geologi Profesional Tidak Berdaftar ..... | 4              |
| <b>2. Tujuan Garis Panduan .....</b>                                  | <b>4</b>       |
| <b>3. Skop Pemakaian Garis Panduan .....</b>                          | <b>4</b>       |
| 3.2 Inspektor .....                                                   | 5              |
| 3.3 Jenis Kesalahan .....                                             | 5 – 7          |
| <b>4. Dokumen Rujukan Utama .....</b>                                 | <b>8</b>       |
| <b>5. Takrif .....</b>                                                | <b>8 – 9</b>   |
| <b>6. Siasatan .....</b>                                              | <b>9 – 15</b>  |
| 6.1 Kategori Siasatan .....                                           | 9              |
| 6.1.2 Siasatan dengan Laporan .....                                   | 9              |
| 6.1.3 Siasatan tanpa Laporan .....                                    | 9              |
| 6.2 Prosedur Siasatan .....                                           | 9 – 10         |
| 6.2.1 Siasatan dengan Laporan .....                                   | 10             |
| 6.2.1.1 Peringkat Awal Siasatan .....                                 | 10 – 12        |
| 6.2.1.2 Siasatan Utama .....                                          | 12 – 13        |
| 6.2.1.3 Selepas Siasatan Utama .....                                  | 13 – 14        |
| 6.2.2 Siasatan tanpa Laporan .....                                    | 14 – 15        |
| 6.3 Etika Siasatan .....                                              | 15             |
| <b>7. Kesimpulan .....</b>                                            | <b>15</b>      |
| <b>8. Lampiran.....</b>                                               | <b>16 – 23</b> |

# **GARIS PANDUAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN INSPEKTOR DI BAWAH AKTA AHLI GEOLOGI 2008 [Akta 689]**

## **1. Pendahuluan**

### **1.1 Pemakaian Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]**

- 1.1.1 Pembangunan Garis Panduan Penyiasatan dan Penguatkuasaan Inspektor Lembaga Ahli Geologi Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Garis Panduan") ini bertujuan untuk memandu Inspektor-Inspektor yang telah dilantik dalam menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan menurut kuasa Akta 689.
- 1.1.2 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pemakaian Akta 689 yang peruntukan-peruntukannya antara lain berhubungan dengan penubuhan, fungsi dan kuasa Lembaga Ahli Geologi Malaysia ("LAGM"), pendaftaran ahli geologi di bawah Akta 689, kesalahan dan penalti dan pelantikan serta kuasa Inspektor.
- 1.1.3 Peruntukan-peruntukan yang berkaitan akan dirujuk dan dihuraikan dengan sewajarnya dalam Garis Panduan ini bagi memastikan kefahaman yang jelas serta hala tuju yang tepat dalam pelaksanaan penyiasatan dan penguatkuasaan oleh Inspektor.
- 1.1.4 LAGM telah ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta 689 dan merupakan sebuah badan berkanun di bawah Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan mineral dan geosains menurut kuasa Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2] ("Menteri"). Seksyen 3 Akta 689 memperuntukkan ciri-ciri khusus LAGM sebagai sebuah badan berkanun yang kekal turun temurun dan boleh didakwa serta mendakwa atas nama LAGM.
- 1.1.5 LAGM dalam menjalankan fungsinya adalah diperuntukkan kuasa di dalam Akta 689 antaranya sebagaimana berikut:
  - (a) menentukan skala fi perkhidmatan geologi<sup>1</sup>;
  - (b) menentukan dan mengawal selia etika serta kelakuan profesional dalam bidang geologi<sup>2</sup>;
  - (c) mendengar dan menyelesaikan pertikaian kelakuan dan etika profesional ahli geologi atau pengamal berdaftar, melalui jawatankuasa atau penimbang tara<sup>3</sup>; dan
  - (d) menjalankan peperiksaan penerimaan masuk ahli geologi<sup>4</sup>.

---

<sup>1</sup> Perenggan 4(1)(b) Akta 689

<sup>2</sup> Perenggan 4(1)(c) Akta 689

<sup>3</sup> Perenggan 4(1)(d) Akta 689

<sup>4</sup> Perenggan 4(1)(h) Akta 689

## 1.2 Pendaftaran Ahli Geologi

1.2.1 Berdasarkan Akta 689, ahli geologi adalah dibahagikan kepada dua kategori iaitu ahli geologi berdaftar dan ahli geologi tidak berdaftar. Ahli geologi berdaftar terdiri daripada Ahli Geologi Siswazah Berdaftar<sup>5</sup>, Ahli Geologi Profesional Berdaftar<sup>6</sup>, Ahli Geologi Asing Berdaftar<sup>7</sup> dan Pengamal Berdaftar<sup>8</sup>.

### 1.2.2 Ahli Geologi Siswazah Berdaftar

1.2.2.1 Subsekyen 20(1) memperuntukkan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi oleh seorang Ahli Geologi Siswazah Berdaftar seperti berikut:

- (a) memegang kelayakan yang diluluskan oleh LAGM;
- (b) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia<sup>9</sup>; dan
- (c) memiliki bukti dokumentar yang menunjukkan bahawa mempunyai kelayakan yang dikehendaki<sup>10</sup>.

### 1.2.3 Ahli Geologi Profesional Berdaftar

1.2.3.1 Perenggan 20(3)(a) Akta 689 memperuntukkan bahawa seorang Ahli Geologi Profesional Berdaftar mestilah –

- (a) seorang yang didaftarkan sebagai Ahli Geologi Siswazah Berdaftar;
- (b) memperolehi pengamalan amali yang diluluskan oleh LAGM;
- (c) lulus dalam peperiksaan yang ditentukan oleh LAGM;
- (d) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (e) memiliki bukti dokumentar yang menunjukkan bahawa mempunyai kelayakan yang dikehendaki.

1.2.3.2 Di samping itu, mana-mana orang yang tidak memegang kelayakan yang diluluskan oleh LAGM berhak untuk didaftarkan sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar di bawah perenggan 20(3)(b) Akta 689 yang memperuntukkan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memegang ijazah dalam bidang geologi yang tidak diluluskan oleh LAGM;
- (b) lulus dalam peperiksaan yang ditentukan oleh LAGM;
- (c) memperolehi pengamalan amali yang diluluskan oleh LAGM;
- (d) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (e) memiliki bukti dokumentar yang menunjukkan bahawa mempunyai kelayakan yang dikehendaki.

---

<sup>5</sup> Subseksyen 20(1) Akta 689

<sup>6</sup> Subseksyen 20(3) Akta 689

<sup>7</sup> Seksyen 22 Akta 689

<sup>8</sup> Seksyen 21 Akta 689

<sup>9</sup> Subseksyen 20(4) Akta 689

<sup>10</sup> Subseksyen 20(5) Akta 689

1.2.3.3 Selain itu, seseorang juga berhak didaftarkan sebagai Ahli Geologi Professional Berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta 689 yang memperuntukkan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memegang ijazah geologi atau kelayakan lain yang setara;
- (b) menjalankan amalan, urusan atau telah diguna khidmat sebagai ahli geologi sebelum 28 November 2014 yang merupakan tarikh kuat kuasa di bawah subseksyen 1(2) Akta 689 berdasarkan P.U. (B) 521/2014;
- (c) memohon pendaftaran dalam tempoh 12 bulan daripada 28 November 2014;
- (d) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (e) memiliki bukti dokumentar yang menunjukkan bahawa mempunyai kelayakan yang dikehendaki.

#### 1.2.4 Ahli Geologi Asing Berdaftar

1.2.4.1 Syarat yang melayakkan seseorang menjadi Ahli Geologi Asing Berdaftar diperuntukkan di bawah seksyen 22 Akta 689 seperti berikut:

- (a) memperoleh kelayakan sebagai Ahli Geologi Profesional di negara asal;
- (b) memiliki kepakaran yang diperlukan;
- (c) memperoleh kelulusan bertulis daripada Pengerusi dan dua pertiga anggota Lembaga; dan
- (d) kelulusan pendaftaran tertakluk kepada syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pengerusi LAGM.

#### 1.2.5 Pengamal Berdaftar

1.2.5.1 Seksyen 21 Akta 689 memperuntukkan bahawa syarat-syarat yang melayakkan seseorang untuk didaftarkan sebagai Pengamal Berdaftar adalah seperti berikut:

- (a) memohon pendaftaran dalam tempoh 12 bulan daripada 28 November 2014;
- (b) seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
- (c) memiliki bukti dokumentar yang menunjukkan mempunyai kepakaran dan pengalaman amalan dalam bidang geologi;
- (d) kelulusan pendaftaran tertakluk kepada syarat atau sekatan yang dikenakan LAGM; dan
- (e) kegagalan memperolehi pendaftaran selepas 28 November 2014 menyebabkan kedudukan pengamal adalah seperti Ahli Geologi Profesional yang Tidak Berdaftar.

## 1.2.6 Ahli Geologi Profesional Tidak Berdaftar

1.2.6.1 Bagi Ahli Geologi Profesional yang Tidak Berdaftar, sekatan-sekatan yang dikenakan adalah seperti berikut:

- (a) menjalankan amalan, urusan atau bekerja sebagai ahli geologi<sup>11</sup>;
- (b) mengemukakan dirinya sebagai ahli geologi profesional, ahli geologi atau perkataan lain dengan maksud sama<sup>12</sup>;
- (c) menggunakan gelaran ahli geologi profesional dan singkatan "P.Geol." selepas namanya<sup>13</sup>;
- (d) menggunakan atau mempamerkan tanda, papan tanda, kad nama atau alat lain sebagai seorang ahli geologi<sup>14</sup>; atau
- (e) menuntut fi, caj, saraan dan balasan untuk perkhidmatan geologi di Mahkamah<sup>15</sup>.

## 2. Tujuan Garis Panduan

Garis Panduan ini diadakan bertujuan untuk menjelaskan secara terperinci prosedur penyiasatan dan penguatkuasaan yang boleh diguna pakai oleh Inspektor yang telah dilantik oleh Menteri menurut kuasa subseksyen 37(1) Akta 689.

### 2.1 Pemakaian Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]

2.1.1 Selaras dengan seksyen 3 Kanun Akta 593, semua kesalahan di bawah Kanun Keseksan hendaklah disiasat dan dibicarakan mengikut peruntukan Akta ini. Bagi kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain, termasuk Akta 689, siasatan dan perbicaraan hendaklah dijalankan mengikut peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, melainkan jika undang-undang bertulis yang berkaitan telah memperuntukkan cara atau tempat siasatan atau perbicaraan yang berlainan.

2.1.2 Oleh itu, sekiranya Akta 689 tidak memperuntukkan kuasa atau prosedur tertentu bagi tujuan siasatan, peruntukan Akta 593 hendaklah terpakai.

## 3. Skop Pemakaian Garis Panduan

3.1 Garis Panduan ini terpakai untuk semua Inspektor bagi apa-apa penyiasatan dan penguatkuasaan terhadap Ahli Geologi Siswazah Berdaftar, Ahli Geologi Profesional Berdaftar, Ahli Geologi Asing Berdaftar, Pengamal Berdaftar dan Ahli Geologi Profesional yang Tidak Berdaftar.

---

<sup>11</sup> Perenggan 23(1)(a) Akta 689

<sup>12</sup> Perenggan 23(1)(b) Akta 689

<sup>13</sup> Perenggan 23(1)(c) Akta 689

<sup>14</sup> Perenggan 23(1)(d) Akta 689

<sup>15</sup> Perenggan 23(1)(e) Akta 689

### 3.2 Inspektor

#### 3.2.1 Fungsi Inspektor di bawah Akta 689 adalah seperti berikut:

- (a) memastikan Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar mematuhi Akta 689<sup>16</sup>;
- (b) menerima, menimbang dan menyiasat laporan [dengan laporan]<sup>17</sup>; dan
- (c) mengesan dan menyiasat apa-apa kesalahan, percubaan atau komplot untuk kesalahan di bawah Akta 689 [tanpa laporan]<sup>18</sup>.

#### 3.2.2 Seseorang yang menghalang dan merintang Inspektor dalam menjalankan tugasnya telah melakukan kesalahan di bawah Akta 689 dan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00, penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya<sup>19</sup>.

### 3.3 Jenis Kesalahan

#### 3.3.1 Jenis kesalahan yang boleh disiasat menurut Akta 689 adalah sebagaimana dalam jadual berikut:

| No. | Peruntukan Undang-Undang | Kesalahan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Penalti                                                                                                                                                                       |
|-----|--------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Subseksyen 23(2)         | <ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli Geologi Profesional Tidak Berdaftar yang bertindak sepertimana berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>(a) Menjalankan amalan, urusan atau bekerja sebagai ahli geologi</li><li>(b) Mengemukakan diri sebagai ahli geologi dengan nama atau gaya seperti "ahli geologi profesional" atau perkataan yang serupa dalam bahasa lain atau apa-apa perkataan lain yang boleh ditafsirkan sebagai ahli geologi</li><li>(c) Menyifatkan dirinya sebagai "ahli geologi profesional" dan menggunakan "<b>P.Geol.</b>" selepas nama</li></ul></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Denda tidak melebihi RM10,000.00</li><li>• <b>ATAU</b> Penjara tidak melebihi satu tahun</li><li>• <b>ATAU</b> kedua-duanya</li></ul> |

<sup>16</sup> Perenggan 37(2)(a) Akta 689

<sup>17</sup> Perenggan 37(2)(b) Akta 689

<sup>18</sup> Perenggan 37(2)(c) Akta 689

<sup>19</sup> Subseksyen 37(9) Akta 689



| No. | Peruntukan Undang-Undang | Kesalahan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Penalti                                                                                                                                                                     |
|-----|--------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |                          | (d) Menggunakan atau mempamerkan tanda, papan tanda, kad atau alat lain yang menggambarkan diri sebagai ahli geologi profesional atau ahli geologi<br>(e) Menuntut fi, caj, saran atau balasan atas perkhidmatan geologi yang diberikan di Mahkamah<br><ul style="list-style-type: none"> <li>Pemakaian subseksyen ini tertakluk kepada seksyen 24, 25 dan 26 Akta 689</li> </ul> |                                                                                                                                                                             |
| 2.  | Subseksyen 27(3)         | Orang <b>selain</b> ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar yang menyediakan dan mengemukakan laporan atau kajian geologi kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia                                                                                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Denda tidak melebihi RM10,000.00</li> <li><b>ATAU</b> Penjara tidak melebihi satu tahun</li> <li><b>ATAU</b> kedua-duanya</li> </ul> |
| 3.  | Subseksyen 32(2)         | Kegagalan ahli geologi berdaftar dan pegamal berdaftar memaklumkan tukar alamat perniagaan dalam masa 60 hari daripada tarikh tukar                                                                                                                                                                                                                                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Denda tidak melebihi RM1,000.00</li> </ul>                                                                                           |
| 4.  | Seksyen 38               | Mengambil khidmat orang yang tidak berdaftar                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Denda tidak melebihi RM10,000.00</li> <li><b>ATAU</b> Penjara tidak melebihi satu tahun</li> <li><b>ATAU</b> kedua-duanya</li> </ul> |
| 5.  | Seksyen 39               | Memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu atau selainnya                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Denda tidak melebihi RM20,000.00</li> <li><b>ATAU</b> Penjara tidak melebihi dua tahun</li> <li><b>ATAU</b> kedua-duanya</li> </ul>  |

| No. | Peruntukan Undang-Undang | Kesalahan                                                                                                                                                                                                                                                           | Penalti                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----|--------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.  | Seksyen 40               | Gagal mematuhi perintah LAGM yang dibuat di bawah seksyen 33 (Penggantungan dan Pembatalan) atau keputusan Menteri di bawah seksyen 48 (Rayuan)                                                                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Denda tidak melebihi RM10,000.00</li> <li>• <b>ATAU</b> Penjara tidak melebihi satu tahun</li> <li>• <b>ATAU</b> kedua-duanya</li> <li>• <b>LAGM</b> boleh batal pendaftaran serta-merta</li> </ul> |
| 7.  | Seksyen 41               | Kesalahan di bawah Akta 689 tanpa penalti khusus sebagai contoh kesalahan di bawah seksyen 27 berkenaan pengemukaan laporan atau kajian geologi oleh orang selain daripada ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar atau pengamal berdaftar | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Denda tidak melebihi RM10,000.00</li> <li>• <b>ATAU</b> Penjara tidak melebihi satu tahun</li> <li>• <b>ATAU</b> kedua-duanya</li> </ul>                                                            |
| 8.  | Subseksyen 42(1)         | Bersubahat dalam perlakuan atau yang cuba melakukan kesalahan di bawah Akta 689                                                                                                                                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukuman seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan asal</li> </ul>                                                                                                                                   |
| 9.  | Subseksyen 42(2)         | Persediaan atau membantu melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta 689                                                                                                                                                                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjara tidak melebihi separuh daripada tempoh maksimum kesalahan asal.</li> </ul>                                                                                                                  |
| 10. | Seksyen 43               | Melakukan apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran yang merupakan kesalahan di bawah Akta ini, sama ada dilakukan oleh diri sendiri, pekongsi, ejen atau pekerja                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama seperti jika kesalahan itu dilakukan sendiri.</li> </ul>                                                                                             |

#### 4 Dokumen Rujukan Utama

Bagi tujuan Garis Panduan ini, dokumen-dokumen lain yang perlu dirujuk ialah seperti berikut:

- (a) Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta 689;
- (b) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593];
- (c) Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015;
- (d) *Code of Professional Conduct for Registered Geologist*; dan
- (e) *Code of Professional Conduct for Registered Practitioners*.

#### 5 Takrif

5.1 Takrif perkataan yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini adalah mengikut takrif yang diperuntukkan di bawah Akta 689, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lebih luas merangkumi perkataan seperti berikut:

- (a) **Laporan** ertinya sesuatu yang dilaporkan atau maklumat tentang sesuatu kedudukan yang dilaporkan sepertimana diperuntukkan dalam perenggan 37(2)(b) Akta 689;
- (b) **Kesalahan**<sup>20</sup> ertinya apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
- (c) **Siasatan dengan Laporan** ertinya siasatan yang dibuat berdasarkan laporan yang diterima oleh Inspektor sepertimana dalam perenggan 37(2)(b) Akta 689;
- (d) **Siasatan tanpa Laporan** ertinya siasatan selain siasatan dengan laporan yang dibuat oleh Inspektor berdasarkan antaranya dapatan yang diperolehinya termasuk tetapi tidak terhad atas inisiatif sendiri, media massa atau isu yang tular sepertimana dalam perenggan 37(2)(c) Akta 689;
- (e) **Inspektor** ertinya seseorang pegawai awam yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 37(1) Akta 689;
- (f) **Siasatan** ertinya termasuk perbuatan memeriksa, menyelidik dan mencari bukti terhadap sesuatu laporan atau perkara yang belum disahkan kebenarannya;
- (g) **Premis** ertinya mana-mana tempat fizikal di mana terdapat kebarangkalian berlaku aktiviti yang melanggar mana-mana peruntukan di dalam Akta 689;
- (h) **Waran** ertinya surat kuasa yang dikeluarkan oleh Majistret di bawah subseksyen 37(4) Akta 689 yang memberi kuasa Inspektor untuk masuk dan geledah premis yang dipercayai bahawa satu kesalahan di bawah Akta 689 sedang atau telah dilakukan;

---

<sup>20</sup> Subseksyen 2(1) Akta 593

- (i) **Kad Kuasa** ertinya dokumen pengisytiharan jawatan Inspektor yang dikemukakan Inspektor kepada orang yang Inspektor itu bertindak semasa siasatan di bawah subseksyen 37(6) Akta 689.

5.2 Lampiran-lampiran yang berikut hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian Garis Panduan ini:

- (a) **Lampiran 1 – Carta Alir Proses Peringkat Awal Siasatan**
- (b) **Lampiran 2 – Carta Alir Proses Siasatan Utama**
- (c) **Lampiran 3 – Carta Alir Proses Selepas Siasatan**
- (d) **Lampiran 4 - Borang Aduan**
- (e) **Lampiran 5 - Permohonan Bertulis Bersumpah Inspektor**
- (f) **Lampiran 6 - Borang 9**
- (g) **Lampiran 7 - Borang Rakaman Percakapan Saksi**

5.3 Apa-apa percanggahan antara kandungan Garis Panduan ini dengan apa-apa lampiran seperti dalam perenggan 5.2 di atas, maka Garis Panduan ini hendaklah mengatasi.

5.4 Walau apapun dalam perenggan 5 ini, sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara Garis Panduan ini dengan Akta 689, maka Akta 689 hendaklah mengatasi.

## **6 Siasatan**

### **6.1 Kategori Siasatan**

6.1.1 Berdasarkan subseksyen 37(2) Akta 689, terdapat dua jenis kategori siasatan melibatkan Inspektor iaitu Siasatan dengan Laporan<sup>21</sup> dan Siasatan tanpa Laporan<sup>22</sup>.

#### **6.1.2 Siasatan dengan Laporan**

Siasatan dengan Laporan dimulakan berdasarkan maklumat yang diterima melalui aduan rasmi yang disalurkan kepada LAGM seperti dalam **Lampiran 4** yang terdapat di laman web LAGM atau emel.

#### **6.1.3 Siasatan tanpa Laporan**

Siasatan tanpa Laporan sepertimana dalam perenggan 37(2)(c) Akta 689 dibuat oleh Inspektor melalui dapatan yang diperolehinya termasuk tetapi tidak terhad atas inisiatif sendiri, media massa atau isu yang tular.

### **6.2 Prosedur Siasatan**

- (a) Panduan prosedur siasatan ini dirangka bagi memberikan gambaran yang menyeluruh kepada Inspektor berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil semasa peringkat awal siasatan, siasatan utama dan selepas siasatan utama.

---

<sup>21</sup> Perenggan 37(2)(b) Akta 689

<sup>22</sup> Perenggan 37(2)(c) Akta 689

- (b) Prosedur siasatan ini juga diterjemahkan melalui carta alir seperti dalam **Lampiran 1, Lampiran 2** dan **Lampiran 3** bagi memudahkan Inspektor untuk memahami langkah-langkah yang perlu diambil.
- (c) Meskipun seksyen 37 Akta 689 memperuntukkan berkenaan prosedur siasatan, akan tetapi seksyen 3 Akta 593 memperuntukkan bahawa mana-mana siasatan dan perbicaraan untuk apa-apa kesalahan di bawah akta lain (termasuk Akta 689) hendaklah dibuat berdasarkan Akta 593 melainkan akta lain tersebut menetapkan prosedurnya sendiri.
- (d) Sehubungan itu, apa-apa prosedur siasatan yang tidak diperuntukkan di bawah Akta 689 hendaklah merujuk kepada Akta 593.

## 6.2.1 Siasatan dengan Laporan

### 6.2.1.1 Peringkat Awal Siasatan

- (a) Inspektor menerima laporan bertulis daripada LAGM seperti dalam **Lampiran 4** yang menyatakan dengan jelas alasan laporan dan keadaan yang menyebabkan Laporan dibuat.
- (b) Inspektor akan membuka kertas siasatan dan perlu membuat siasatan dalam tempoh 14 hari selepas Laporan diterima. Selain itu, Inspektor juga perlu membuka diari siasatan bagi tujuan untuk merekodkan setiap aktiviti berkaitan siasatan dalam bentuk diari termasuk mengenai apa-apa arahan, masa dan tempat yang dilawati serta pernyataan berkaitan apa-apa kejadian sepanjang siasatan.
- (c) Inspektor perlu mengesahkan Laporan dengan menyemak status ahli geologi atau pengamal yang dilapor sama ada berdaftar atau tidak antaranya dengan -
  - (aa) LAGM; dan
  - (bb) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (termasuk untuk mengenal pasti lokasi premis)
- (d) Inspektor juga perlu mempertimbangkan untuk membuat risikan awal di premis yang disyaki suatu kesalahan di bawah Akta 689 telah dilakukan bagi menentukan dan menyediakan peralatan yang diperlukan untuk siasatan utama. Sebagai contoh, pembuka mangga pintu.
- (e) Permohonan Waran oleh Inspektor
  - (i) Keadaan Perlu Waran
    - (aa) Permohonan Waran sebagaimana di bawah subseksyen 37(3) Akta 689 perlu dipohon oleh Inspektor yang mempunyai sebab yang munasabah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta 689 sedang atau telah dilakukan.

- (bb) Mana-mana kesalahan yang sedang atau telah dilakukan tersebut adalah dibuat di premis yang dicurigai atau berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan dalam premis tersebut.
  - (cc) Inspektor perlu mengemukakan permohonan bertulis bersumpah seperti dalam **Lampiran 5** yang mengandungi maklumat orang disyaki, tempat disyaki dan jenis kesalahan kepada Majistret di Mahkamah berdekatan dengan premis tersebut.
  - (dd) Magistret setelah menyiasat dan mempercayai bahawa terdapat kesalahan boleh mengeluarkan Waran memberikan kuasa kepada Inspektor untuk memasuki, menggeledah dan memeriksa premis.
  - (ee) Permohonan seperti dalam perenggan 6.2.1.1(e)(i)(cc) di atas hendaklah disertakan dengan Borang 9 sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 56 Akta 593. Borang 9 seperti dalam **Lampiran 6** perlu diisi oleh Inspektor dan didaftarkan di Mahkamah Majistret yang berkaitan.
- (ii) Keadaan Tidak Perlu Waran
- (aa) Dalam keadaan Inspektor memperolehi dokumen yang lengkap, maka Inspektor boleh meneruskan proses siasatan utama tanpa memerlukan waran.
  - (bb) Sebagai contoh, laporan yang diperolehi oleh Inspektor bagi memulakan siasatan adalah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta 689.
- (f) *Order to Investigate* ("OTI")
- (i) Akta 593 mengkategorikan kesalahan kepada dua jenis utama iaitu –
    - (aa) Kesalahan boleh tangkap tanpa waran (*seizable offence*); dan
    - (bb) Kesalahan tidak boleh tangkap tanpa waran (*non-seizable offence*).
  - (ii) Seksyen 2 Akta 593 mentakrifkan kesalahan boleh tangkap tanpa waran (*seizable offence*) dan kesalahan tidak boleh tangkap tanpa waran (*non-seizable offence*) seperti di dalam Jadual Pertama Akta 593.
  - (iii) Kesalahan tidak boleh tangkap tanpa waran (*non-seizable offence*) melibatkan kesalahan dengan hukuman denda atau hukuman penjara

tidak melebihi tiga (3) tahun.

- (iv) Inspektor perlu menyemak jenis kesalahan-kesalahan di bawah Akta 689 sama ada termasuk sebagai kesalahan tidak boleh tangkap tanpa waran (*non-seizable offence*) seperti di bawah Jadual Pertama Akta 593.
- (v) Inspektor perlu mendapatkan perintah bertulis daripada Pendakwa Raya untuk kuasa khas siasatan di bawah Bab XIII Akta 593 seperti kuasa merakam rakaman percakapan bagi kesalahan tidak boleh tangkap tanpa waran (*non-seizable offence*).

#### 6.2.1.2 Siasatan Utama

##### (a) Siasatan di Premis<sup>23</sup>

- (i) Tertakluk kepada perenggan 6.2.1.1(e), siasatan di premis dimulakan dengan Inspektor mengisytiharkan jawatannya, mengemukakan kad kuasa dan menunjukkan Waran yang diperolehi daripada Majistret kepada penghuni atau pengurus premis yang berkaitan (sekiranya ada).
- (ii) Inspektor memasuki premis yang disyaki menjalankan aktiviti yang melakukan kesalahan di bawah Akta 689. Sekiranya premis tersebut tidak berpenghuni, Inspektor boleh mengambil tindakan untuk masuk dan geledah premis tersebut menggunakan Waran atau bekerjasama dengan pihak polis bagi tujuan yang sama.
- (iii) Semasa siasatan dalam premis, Inspektor boleh mengambil tindakan-tindakan berikut:
  - (aa) menggeledah, memeriksa dan meneliti sebarang benda dan dokumen termasuk buku, rekod, fail, sijil pendaftaran atau laporan teknikal berkaitan suatu kesalahan di bawah Akta 689 ("benda dan dokumen tersebut");
  - (bb) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada benda dan dokumen tersebut;
  - (cc) menyita benda dan dokumen tersebut;
  - (dd) menyediakan senarai benda dan dokumen tersebut yang disita ("senarai sita");
  - (ee) menyerahkan dengan serta merta senarai sita tersebut yang ditandatangani oleh Inspektor kepada penghuni, ejen atau pekerja yang diberi kuasa dalam premis tersebut;

---

<sup>23</sup> Seksyen 37 Akta 689

- (ff) melekatkan senarai sita di tempat yang mudah dilihat di premis tersebut jika premis tidak berpenghuni.

(b) Siasatan ke atas Individu

- (i) Meskipun seksyen 37 Akta 689 memperuntukkan berkenaan prosedur siasatan, akan tetapi Akta 593 hendaklah dirujuk berhubung prosedur rakaman percakapan bagi mana-mana saksi untuk apa-apa kesalahan di bawah Akta 689 selaras dengan kuasa seksyen 3 Akta 593.
- (ii) Rujukan perlu dibuat kepada seksyen 112 Akta 593 yang memperuntukkan prosedur untuk rakaman percakapan saksi yang mempunyai fakta dan hal keadaan sesuatu kesalahan semasa siasatan.
- (iii) Rakaman percakapan saksi secara lisan mesti dicatat secara bertulis mengikut format seperti dalam **Lampiran 7**.
- (iv) Inspektor perlu memberi makluman kepada saksi hak saksi untuk tidak menjawab dan kewajipan untuk bercakap benar.
- (v) Inspektor hendaklah menyediakan jurubahasa sekiranya saksi memerlukan jurubahasa.
- (vi) Saksi mesti menjawab soalan yang dikemukakan oleh Inspektor melainkan jawapan yang diberi berkecenderungan untuk mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.
- (vii) Rakaman percakapan secara bertulis ini perlu dibacakan semula, ditandatangani atau diberi cap jari dan dibuat dalam bahasa yang difahami saksi.
- (viii) Saksi hendaklah diberikan peluang untuk membetulkan kandungan rakaman percakapan secara bertulis tersebut, jika perlu.

6.2.1.3 Selepas Siasatan Utama

(a) Penyediaan Laporan Siasatan

- (i) Seksyen 109 Akta 593 hendaklah dirujuk berhubung penyediaan laporan siasatan oleh Inspektor meskipun seksyen 37 Akta 689 secara umumnya memperuntukkan mengenai prosedur siasatan untuk apa-apa kesalahan di bawah Akta 689.
- (ii) Apa-apa bukti berkaitan kesalahan yang disiasat di bawah Akta 689 termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai sita, cabutan dokumen, benda dan dokumen yang disita hendaklah dimasukkan dalam kertas siasatan.
- (iii) Laporan dan kertas siasatan perlu dikemukakan oleh Inspektor kepada Pendakwa Raya dalam tempoh seminggu selepas tamat tiga bulan



daripada tarikh aduan diterima<sup>24</sup>.

(b) Rujukan kepada Pendakwa Raya

(i) Pendakwa Raya boleh mengarahkan Inspektor yang membuat siasatan untuk mengemukakan kepada Pendakwa Raya suatu laporan siasatan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh tiga bulan daripada tarikh kertas siasatan dibuka seperti sepertimana Laporan dalam perenggan 6.2.1.1 (b) diterima oleh Inspektor<sup>25</sup>.

(ii) Berdasarkan laporan siasatan, Pendakwa Raya boleh memberikan arahan seperti berikut:

(aa) siasatan adalah lengkap dan boleh diteruskan dengan pendakwaan; atau

(bb) siasatan tidak lengkap dan Inspektor dikehendaki untuk membuat siasatan lanjut; atau

(cc) tidak cukup bukti dan tidak boleh diteruskan dengan pendakwaan (*No Further Action "NFA"*).

(iii) Tertakluk kepada apa-apa arahan Pendakwa Raya seperti dalam perenggan 6.2.1.3(b)(ii) di atas, pendakwaan ke atas mana-mana kesalahan di bawah Akta 689 hendaklah dimulakan dengan kebenaran bertulis oleh Pendakwa Raya<sup>26</sup>.

(c) Rujukan kepada LAGM

(i) Selain itu, dalam masa yang sama, rujukan berkenaan kesalahan yang sedang atau telah dilakukan di bawah Akta 689 juga boleh dibuat kepada LAGM. Subseksyen 33(2) Akta 689 memperuntukkan bahawa LAGM mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan-tindakan seperti berikut:

(aa) mengeluarkan satu amaran bertulis atau celaan;

(bb) memerintahkan bayaran denda tidak melebihi RM5,000.00;

(cc) mengenakan apa-apa gabungan sanksi yang bersesuaian;

(dd) memerintahkan pembatalan pendaftaran; atau

(ee) memerintahkan penggantungan pendaftaran bagi tempoh tidak melebihi satu tahun.

## 6.2.2 Siasatan Tanpa Laporan

6.2.2.1 Prosedur Siasatan tanpa Laporan melibatkan tiga prosedur yang sama sebagaimana Siasatan dengan Laporan iaitu peringkat awal siasatan, siasatan utama dan selepas siasatan utama.

---

<sup>24</sup> Subseksyen 120(1) Akta 593

<sup>25</sup> Subseksyen 120(2) Akta 593


<sup>26</sup> Seksyen 44 Akta 689


- 6.2.2.3 Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan khusus dari segi tempoh masa semasa peringkat awal siasatan, di mana masa untuk memulakan siasatan adalah selepas **21 hari** daripada tarikh dapatan diperolehi oleh Inspektor termasuk tetapi tidak terhad atas inisiatif sendiri, media massa atau isu yang tular.
- 6.2.2.4 Hal ini kerana, Siasatan tanpa Laporan memerlukan Inspektor untuk membuat perancangan awal yang lebih rapi kerana maklumat yang diperolehi memerlukan risikan dalam membuat pengesahan berhubung dapatan yang diperolehi.
- 6.2.2.5 Prosedur untuk peringkat awal siasatan, siasatan utama dan selepas siasatan utama bagi Siasatan tanpa Laporan adalah sebagaimana di perenggan 6.2.1.1, 6.2.1.2 dan 6.2.1.3 di atas.
- 6.3 Etika Siasatan
- 6.3.1 Siasatan bagi maksud Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada etika siasatan yang bertujuan untuk memastikan setiap siasatan yang dijalankan oleh Inspektor dibuat dengan penuh integriti, keadilan, dan profesional serta di bawah bidang kuasa yang telah diperuntukkan oleh Akta 689. Prinsip-prinsip etika ini adalah seperti berikut:
- (a) Inspektor melakukan siasatan berdasarkan bukti dan fakta yang sah;
  - (b) Inspektor dilarang menyalahguna kuasa, menerima imbuhan atau rasuah sebelum, semasa atau selepas siasatan;
  - (c) Inspektor perlu mengendalikan maklumat dan bukti siasatan secara sulit dan memastikan maklumat serta bukti digunakan untuk tujuan rasmi dan siasatan sahaja;
  - (d) Inspektor perlu memastikan identiti pengadu sentiasa dilindungi;
  - (e) Inspektor perlu mematuhi undang-undang dalam melaksanakan siasatan, termasuk memastikan permohonan Waran daripada Majistret;
  - (f) Inspektor dibenarkan menggunakan intimidasi atau kekerasan wajar jika selaras dengan peruntukan undang-undang semasa;
  - (g) Inspektor perlu mengisytiharkan jawatan dan mengemukakan kad kuasa kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan siasatan sebelum apa-apa tindakan dibuat; dan
  - (h) Inspektor perlu memastikan bahawa pelaporan dan rekod siasatan dibuat dengan telus, tepat dan lengkap.

## **7 Kesimpulan**


- 7.1 Garis Panduan ini merupakan satu wadah untuk mengatasi masalah kelompondan dalam proses penyiasatan dan penguatkuasaan oleh Inspektor dan bagi memastikan siasatan yang dibuat adalah lebih terarah dan membantu Inspektor dalam penyediaan kertas siasatan dan laporan siasatan yang berkualiti.

## CARTA ALIR PROSES SIASATAN INSPEKTOR LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA



SIASATAN  
UTAMA

\*Merujuk kepada seksyen 112 Akta 593 kerana Akta 593 merupakan tatacara utama siasatan untuk mana-mana kesalahan

**SELEPAS  
SIASATAN**

\*LAGM boleh mengambil tindakan sekiranya menerima aduan bagi kesalahan di bawah seksyen 33 Akta 689

**BORANG ADUAN AHLI GEOLOGI**

Borang aduan ini adalah berdasarkan perenggan 37(2)(b) Akta ahli Geologi 2008 (silaakan dengan laporan) dan boleh digunakan untuk mendaftarkan aduan untuk kesalahan yang disenaraikan dalam Akta Ahli Geologi 2008 atau Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015 atau Kod Etika yang dikeluarkan menurut Akta Ahli Geologi 2008.

**Penyerahan**

Borang ini mesti lengkap sepenuhnya. Pendaftaran aduan hendaklah dibuat dengan rujukan khusus kepada seksyen-seksyen dalam Akta Ahli Geologi 2008 atau Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015 atau Kod Etika mengikut mana-mana yang berkenaan. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan secara sendiri kepada Pendaftar atau kepada pejabat Pendaftar yang mana resit akuan terima akan dikeluarkan. Jika anda memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi Pendaftar.

**Kenyataan Privasi**

Semua maklumat peribadi dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Walau bagaimanapun, butiran aduan ini boleh didedahkan kepada ahli geologi yang terhadapnya aduan dibuat berdasarkan budi bicara ketat pegawai penyiasat yang dilantik oleh Lembaga Ahli Geologi, dan dengan menandatangani borang ini anda telah bersetuju dengan perkara ini.

|                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                      |                                                  |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| <b>Seksyen 1:</b><br><br><b>MAKLUMAT PENGADU</b>                                                                                                                                                                                                             | Nama Penuh: _____<br>No. Pendaftaran: _____ (jika berkaitan)<br>Alamat: _____<br>Telefon: _____<br>Emel: _____<br>Organisasi/maklumat hubungan (jika berkenaan)<br>_____                                             |                                                  |
| <b>Seksyen 2:</b><br><br><b>MAKLUMAT AHLI GEOLOGI<br/>YANG TERHADAPNYA<br/>ADUAN DIBUAT</b>                                                                                                                                                                  | Nama penuh: _____<br>No Pendaftaran: _____<br>Alamat: _____<br>Telefon: _____<br>Email: _____<br>Organisasi/maklumat hubungan (jika berkenaan)<br>_____                                                              |                                                  |
| <b>Seksyen 3: MAKLUMAT ADUAN</b><br>Senaraikan butiran perilaku tidak profesional.<br>Lampirkan dokumen berasingan jika perlu.<br><br><b>Seksyen 4: KETERANGAN SOKONGAN</b><br>Kontrak, surat-menyurat, laporan.<br>Lampirkan dokumen berasingan jika perlu. |                                                                                                                                                                                                                      |                                                  |
| <b>Seksyen 5:</b><br><br><b>DEKLARASI OLEH<br/>PENGADU</b>                                                                                                                                                                                                   | Saya/Kami mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam aduan ini adalah betul sepanjang pengetahuan saya/kami. Saya/Kami akan mematuhi segala keputusan Lembaga Ahli Geologi.<br><br>Tandatangan _____ Tarikh: _____ |                                                  |
| Borang lengkap,<br>hendaklah di hantar<br>bersama dengan<br>dokumen yang<br>berkaitan kepada:                                                                                                                                                                | Pendaftar,<br>Lembaga Ahli Geologi Malaysia,<br>Aras 8, Menara PJH,<br>No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,<br>62100 Putrajaya, Malaysia.                                                                        | Tel: +603-88618436<br>Emel: registrar@bog.gov.my |

**\*SURAT AKUAN**

Saya, **(NAMA INSPEKTOR) (No. K/P)** adalah warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di **(ALAMAT PEJABAT LAGM)** dengan khusyuk dan tawadhu serta tulus ikhlas mengaku bahawa:-

1. Saya merupakan Inspektor yang dilantik oleh Menteri untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan bagi kesalahan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689];
2. Saya telah membuat risikan awal ke atas premis beralamat di **(ALAMAT PREMIS YANG DI MANA TERDAPAT KEBARANGKALIAN BERLAKU AKTIVITI YANG MELANGGAR MANA-MANA PERUNTUKAN DI DALAM AKTA 689)** ("Premis");
3. Saya membuat Surat Akuan ini untuk menyatakan bahawa terdapat kesalahan di bawah Akta 689 yang sedang atau sudah dilakukan di Premis. **(SILA MASUKKAN MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN APA-APA KESALAHAN DI BAWAH AKTA 689 – NAMA ORANG YANG DISYAKI, JENIS KESALAHAN YANG DISYAKI DAN BUKTI BERKAITAN KESALAHAN YANG DISYAKI)**
4. Bukti-bukti dokumentasi yang menyokong permohonan ini adalah sebagaimana Ekshibit "A".

Saya membuat Surat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Undang-undang Surat Akuan, 1960 dan mematuhi peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Akta Perakuan Bersumpah, 1960.

|                                     |   |                         |
|-------------------------------------|---|-------------------------|
| Dibuat dan dengan sebenarnya diakui | ] |                         |
| oleh yang tersebut namanya di atas  | ] |                         |
| iaitu -                             | ] |                         |
| <b>(NAMA INSPEKTOR)</b>             | ] | .....                   |
| <b>(No. K/P)</b>                    | ] | <b>(NAMA INSPEKTOR)</b> |
| di dalam Negeri                     | ] | <b>(No. K/P)</b>        |
| pada                                | ] |                         |

Di hadapan saya,

.....  
Tandatangan Presiden Mahkamah  
Seksyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah

## BORANG 9

## [SEKSYEN 56 KANUN TATACARA JENAYAH]

## WARAN UNTUK MENGGELEDAH TEMPAT SIMPANAN YANG DISYAKI

Kepada Ketua Pegawai Polis Negeri \_\_\_\_\_, dan Pegawai atau Pegawai-Pegawai Polis lain (yang ditetapkan dengan nama dalam waran ini).

Bahawasanya maklumat telah dibentangkan di hadapan saya, dan atas siasatan sewajarnya sesudah itu saya telah didorong untuk mempercayai bahawa (perihalkan rumah atau tempat lain itu) digunakan sebagai suatu tempat bagi penyimpanan [atau penjualan] harta curi [atau jika bagi salah satu daripada maksud lain yang dinyatakan dalam seksyen itu, nyatakan maksud itu dengan perkataan seksyen itu]:

Waran ini adalah untuk memberi kuasa dan menghendaki kamu dalam jangka masa hari dari tarikh waran ini untuk memasuki rumah [atau tempat lain] tersebut dengan apa-apa bantuan sebagaimana yang dikehendaki, dan untuk menggunakan, jika perlu, kekerasan yang munasabah bagi maksud itu, dan untuk menggeledah tiap-tiap bahagian rumah [atau tempat lain, atau jika penggeledahan itu dikehendaki dibataskan pada suatu bahagian, nyatakan bahagian itu dengan jelas] tersebut dan untuk menyita dan mengambil milikan apa-apa harta [atau dokumen, atau cap, atau meterai, atau syiling, atau cap dagangan, mengikut mana-mana yang berkenaan]—[Tambahkan (apabila keadaan menghendakinya) dan juga apa-apa alat dan bahan yang kamu semunasabahnya mempercayai disimpan bagi pembuatan dokumen palsu, atau cap dagangan, atau cap lancungan, atau meterai palsu, atau syiling lancung, mengikut mana-mana yang berkenaan] dan dengan segera mengemukakan di hadapan Mahkamah ini apa-apa benda tersebut sebagaimana yang diambil milikan; mengembalikan waran ini, dengan suatu endorsan yang memperakukan apa yang telah kamu lakukan di bawahnya, dengan segera selepas pelaksanaannya.

Diberikan di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah, pada \_\_\_\_\_ hari bulan \_\_\_\_\_ 20\_\_\_\_.

(Meterai)

Majistret



## PERCAKAPAN DALAM PEMERIKSAAN

No. Repot .....Pejabat .....

Nama .....Nama Panggilan.....

No. Kad Pengenalan/Pasport .....

Bangsa.....Bahasa.....

Tarikh/Tempat Lahir.....

Umur.....Tahun.....Jantina.....

Pekerjaan.....

Alamat Tempat Kerja.....

Alamat Rumah.....

Lain-lain Alamat.....

Telefon No. Tempat Kerja.....Rumah.....

Pegawai Perakam.....di.....

.....Pada.....jam.....pagi/petang

Jurubahasa.....daripada Bahasa.....kepada Bahasa.....

## PERNYATAAN BERAMARAN AKAN DICATATKAN DI SINI

Mengikut subseksyen 112(4) Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593], saya telah memberitahu kepada.....(nama saksi) segala butir-butir di dalam subseksyen (2) dan (3) seksyen 112 yang mengatakan:

- (i) "Kamu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan kepada kamu. Kamu boleh menolak daripada menjawab apa-apa soalan yang boleh menyebabkan kamu dibabitkan pada sesuatu tuduhan jenayah atau dihukum atau dirampas harta benda kamu" dan
- (ii) "Kamu wajib beraakap benar sama ada atau tidak keterangan kamu dibuat seluruhnya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan saya".

Jurubahasa

Pegawai Perakam

Menjawab atas soalan saya:

[illegible]